

SOALAN NO: 151

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN :

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang dibuat oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mengekang kejadian pencerobohan perairan pantai barat kawasan Tanjung Piai yang sering menyebabkan kecurian enjin dan bot nelayan yang dilakukan oleh warga asing.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

APMM telah meningkatkan pengawalan di kawasan Titik Panas (*Hot Spot*) di seluruh perairan negara termasuk juga di kawasan perairan Selat Melaka berhampiran Tanjung Piai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tanjung Piai adalah salah satu daripada terletaknya salah satu daripada Sembilan Radar Sensor Site (RSS) yang merupakan sistem radar kepada Sistem Pengawasan Laut (SWASLA).

Sejak pengoperasian SWASLA, banyak kejadian jenayah maritim berjaya dikekang. Sukacita dimaklumkan bahawa Selat Melaka tiada kejadian rompakan di laut sejak 2009 sehingga kini.

Satu kejadian rompakan yang berlaku pada tahun lepas telah disiasat dan menunjukkan kapten kapal, *chief engineer* dan *first mate* terlibat dalam kejadian tersebut.

Di samping itu, APMM juga mengadakan Operasi Khas untuk mengekang jenayah curi enjin sangkut dan bot di kawasan Tanjung Piai. APMM telah berjaya menahan dua (2) orang pencuri terdiri dari warga asing dan berjaya mendapatkan semula enjin yang cuba dicuri.

Maklumat risikan dan juga maklumat dari nelayan setempat telah membantu APMM dalam menggagalkan beberapa cubaan beberapa kes kecurian enjin sangkut dan bot nelayan tempatan.

APMM akan meneruskan operasi untuk terus mengekang kejadian jenayah maritim di perairan negara dan menjamin tahap keselamatan komuniti maritim dengan meningkatkan lagi kerjasama di antara nelayan tempatan, pihak berkuasa tempatan dan juga negara jiran. Jenayah maritim kini telah dapat dikurangkan daripada 48% pada tahun 2006 dan di bawah paras 3% di seluruh Negara sejak penubuhan APMM.

Sekian. Terima kasih.